

Headline	Malaysia kedudukan kelapan bidang elektrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	8
ArticleSize	148 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,856		



Malaysia kedudukan kelapan bidang elektrik

KUALA LUMPUR 10 April - Imej Malaysia terus cemerlang di per­sada antarabangsa menerusi pel- bagai pengiktirafan oleh badan- badan dunia dan yang terbaru, negara diletakkan di kedudukan kelapan dari 190 negara bagi bi- dang elektrik atau 'getting elec- tricity' berdasarkan laporan oleh Bank Dunia tahun ini.

Laporan Menjalankan Per- niagaan (DB) 2018 Bank Dunia itu menyaksikan Malaysia telah mendahului Singapura yang be- rada di kedudukan ke-12 dan United Kingdom (UK) di tempat kesembilan.

Pengiktirafan ke atas Malay- sia dengan meletakkan negara di kedudukan teratas dalam laporan itu mencerminkan kebolehper- cayaan terhadap bekalan elektrik negara.

"Ia mengambil masa 31 hari untuk penyambungan grid (pen- yaluran elektrik) di Malaysia iaitu kurang separuh daripada purata 78 hari ke seluruh ekonomi ber-

pendapatan tinggi," kata Bank Dunia dalam satu kenyataan ba- ru-baru ini.

Kecemerlangan itu dikatakan dicapai menerusi usaha-usaha dan kerjasama rapat melibatkan pemain-pemain industri bekalan elektrik, Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) untuk mempertingkatkan keberkesanan dalam penyambungan elektrik.

Inisiatif yang dilaksanakan termasuk permohonan secara dalam talian kepada pelanggan yang menyediakan lebih banyak kemudahan serta memendekkan masa menunggu sekali gus menjadikan keseluruhan proses per- mohonan lebih mudah dan lebih cepat.

Antara kriteria yang digaris- kan bagi bidang dapatan elektrik tersebut jelas Bank Dunia adalah kebolehpercayaan bekalan, ke- telusan tarif, kos yang berpatutan untuk mendapatkan sambungan elektrik dan proses penyelarasaran untuk mendapatkan sambungan.